

Jawatankuasa Pemilihan & Usul RUU 355

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

zahidhamidi.com

November 27, 2016

Oleh Admin

Pada 22 November 2016, satu taklimat khas berkaitan usul Rang undang-undang persendirian bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (RUU 355) telah diadakan di bangunan Parlimen. Taklimat tersebut dihadiri oleh anggota parlimen BN dan juga Pembangkang.

Saya selaku Ketua Whip BN mengambil inisiatif untuk meninjau pendapat daripada ahli-ahli Parlimen beragama Islam mengenai usul pindaan RUU355 tersebut. Ianya berikutan terdapat pelbagai tafsiran terhadap usul persendirian tersebut apabila ia dibawa ke Parlimen sebelum ini. Pelbagai andaian, tokok tambah dan informasi tidak tepat tentang RUU yang sengaja dilontarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab hingga menyebabkan rakyat amat keliru dengan isu ini.

Taklimat ini di antara lain memutuskan supaya satu Jawatankuasa Pemilihan dibentuk untuk menterlibatkan anggota Parlimen beragama Islam dan bukan Islam bagi memperincikan, memperhalusi dan memurnikan sebarang unsur yang tidak jelas mengenai usul tersebut dan pemisahan kuasa pada Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

zahidhamidi-speechphoto

Secara prinsipalnya, Akta ini,

1. Khusus untuk orang Islam sahaja.
2. Tidak ada mana-mana peruntukan dalam mahkamah sivil akan diambil alih mahkamah syariah dengan pindaan berkenaan melainkan ia hanya untuk memperkasakan mahkamah umat Islam.

Akta 355 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 adalah suatu Akta untuk memberi bidang kuasa kepada Mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Negeri bagi maksud membicarakan kesalahan di bawah hukum Syarak.

Topik dalam Akta 355 yang dicadangkan untuk dipinda ialah Seksyen 2 (Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah):

Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sepenuhnya di bawah undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang 6 Undang-Undang Malaysia AKTA 687 kuasa berkenaan dengan kesalahan terhadap rukun agama Islam oleh orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi RM5,000 atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut. Di antara lain, usul persendirian ini mencadangkan pindaan kepada Seksyen 2 untuk menggantikan peruntukan dalam undang-undang sedia ada iaitu Mahkamah Syariah akan mempunyai kuasa ke atas penganut agama Islam dan dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara yang disenaraikan dalam butiran 1 Senarai Negeri, di bawah jadual kesembilan Undang-Undang Persekutuan.

Usul tersebut juga mencadangkan agar dimasukkan Seksyen 2A, iaitu dalam menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman dibenarkan oleh undang-undang syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan kecuali hukuman mati.

Usul persendirian RUU 355 ini akan dibaca kali kedua di Dewan Rakyat pada minggu ini dan akan dibuat anggota Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Sebelum ini, usul

Datuk Seri Abdul Hadi ini tidak sempat dibentang atau dibahaskan pada hari pertama sidang Dewan Rakyat.

Dengan wujudnya Jawatankuasa Pemilihan ini, saya berharap agar jawatankuasa ini dapat memperhalusi semua aspek yang menjadi kebimbangan dan kekeliruan kepada ahli-ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional mahu pun Pembangkang. Dan ahli-ahli parlimen daripada kedua-dua pihak akan dapat berbahas dan berbincang secara matang serta membina hasil daripada input Jawatankuasa tersebut.

Kita perlu tahu bahawa usul pindaan RUU 355 ini adalah satu usul persendirian yang perlu mengikut sistem demokratik negara ini. Ianya perlu dibincang dan dibahaskan secara terbuka di dalam Parlimen. Penglibatan ahli-ahli Parlimen secara berilmiah amat diperlukan kerana usul pindaan ini perlu dilihat daripada pelbagai sudut.

Segala kemusykilan perlu dijawab. Perancangannya juga mesti tepat, adil, tidak mengelirukan dan rapi supaya tidak berlaku sebarang penindasan atau ketidakadilan. Undang-undang dan jenis hukumannya perlu tersusun dengan rapi dan lengkap.

RUU 355 ini juga tidak melibatkan orang bukan Islam dan tidak sesekali membelakangi sensitiviti masyarakat majmuk di negara ini.

©2016 Copyright Reserved zahidhamidi.com, Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/jawatankuasa-pemilihan-usul-ruu-355/>